

Headline	Jelajah institut penyelidikan hutan di FRIM		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	06 Aug 2015	Circulation	197,202
Section	Kosmo 2	Readership	875,000
Page No	36	ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 6,436
Journalist	N/A	PR Value	RM 19,308
Frequency	Daily		



# Jelajah institut penyelidikan hutan di FRIM

KEBANYAKAN orang selalu beranggapan bahawa bercuti bermaksud menjelajah ke luar negara tetapi ia tidak semestinya begitu.

Malaysia sebenarnya mempunyai banyak lokasi-lokasi menarik yang boleh diteroka seperti di Institut

Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan kuil Hindu terbesar yang terletak di Batu Caves, Selangor.

FRIM bukanlah berperanan sebagai institut penyelidikan bahkan ia sebenarnya terbuka untuk orang awam beriadah bersama keluarga.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang boleh dilakukan di FRIM seperti berkelah, mandi-manda di air terjun, berbasikal dalam kawasan tersebut dan menaiki titian Canopy Walkway setinggi 30 meter dari tanah.

## INFO

### Percutian di Malaysia

**Lokasi:** FRIM dan Batu Caves, Selangor

**Syarikat:** Devine Holiday Sdn. Bhd.

**Pakej:** Seharian

**Telefon:** 03-9202 1054

**Laman web:** [www.kualalumpurtraveltour.com](http://www.kualalumpurtraveltour.com)

FRIM bukan sahaja sekadar tempat penyelidikan tetapi berfungsi sebagai tapak beriadah.

Selain itu, FRIM juga mempunyai taman herba, perpustakaan dan muzium

perhutanan bagi pengunjung yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang spesies-spesies pokok.

Selaras melawat FRIM, pengunjung akan mengunjungi kuil terbesar yang dikenali sebagai Batu Caves di Selangor. Walaupun ia berperanan sebagai kuil, pelancong dari dalam dan luar negara dibenarkan untuk meninjau sekitar kawasan tersebut.

Terdapat dua keunikan di Batu Caves iaitu gua batu kapur yang telah wujud sejak 400 juta tahun lalu dan

ketinggian tangga menuju ke gua itu sebanyak 272 langkah.

Kuil Batu Caves mempunyai ramai pengunjung tatkala berlangsungnya perayaan Thaipusam yang diraikan pada bulan Januari atau Februari setiap tahun.

Syarikat pelancongan Devine Holiday Sdn. Bhd. menawarkan pakej menarik untuk menjelajah FRIM dan Batu Caves, Selangor selama satu hari.

Harga bagi pakej tersebut berbeza-beza mengikut bilangan ahli dalam kumpulan. Harga bagi dua orang dewasa ialah RM220 seorang manakala kanak-kanak berumur tiga hingga 12 tahun ialah RM120 seorang.

